

#Penjarakanfizikal - Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan

tempoh tamat

34  
Hari

12  
Jam

08  
Minit

ikuti Berita terkini Covid-19

NASIONAL

KES

POLITIK

PENDIDIKAN

WILAYAH

## Parlimen boleh bersidang dalam tempoh darurat - Agong

Oleh [Fahmy A Rosli](#) - Februari 24, 2021 @ 4:33pm

[fahmy.azril@bh.com.my](mailto:fahmy.azril@bh.com.my)

17



Agong menerima menghadap Speaker Dewan Negara dan Dewan Rakyat di Istana Negara hari ini. - Foto Istana Negara

KUALA LUMPUR: Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah bertitah bahawa Parlimen boleh bersidang semasa tempoh darurat berkuat kuasa pada suatu tarikh yang difikirkan sesuai oleh Seri Paduka atas nasihat Perdana Menteri.

Datuk Pengelola Bijaya Diraja Istana Negara, Datuk Indera Ahmad Fadil Shamsuddin, dalam kenyataan Istana Negara hari menyebut bahawa perkara berkenaan termaktub dalam sub perenggan 14 (1)(b) Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021 yang menyatakan bahawa Parlimen hendaklah dipanggil, diprorog dan dibubarkan pada suatu tarikh sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Seri Paduka Baginda atas nasihat Perdana Menteri.

"Adalah dimaklumkan bahawa KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan menerima menghadap Speaker Dewan Negara, Tan Sri Datuk

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 7m ○ [Undang-undang Selangor benarkan hukuman seks luar tabii, tidak berperlembagaan - Hakim](#)
- 8m ○ [ANGKASA perkukuh hubungan dengan operasi rantau Asia Pasifik](#)
- 12m ○ ['Cita rasa mewah, harga patut'](#)
- 17m ○ [2 didakwa bekal bom bunuh wartawan](#)
- 18m ○ [Harga emas jatuh dua bulan berturut-turut](#)
- 28m ○ [3 rakyat Malaysia ditahan di Indonesia pulang Ahad](#)
- 47m ○ [Semak semula kurikulum di IPT demi survival era COVID-19](#)
- 47m ○ [Teroka pelbagai alternatif permudah norma baharu](#)

Seri Utama Dr Rais Yatim dan Speaker Dewan Rakyat, Datuk Azhar Azizan Harun di Istana Negara, hari ini.

## DISYORKAN UNTUK ANDA

- Agong mendapati tiada keperluan isytihar darurat
- Agong perkenan darurat hingga 1 Ogos ini
- Ordinan Darurat: Azalina tolak gesaan UMNO agar bersetuju sidang Parlimen diadakan segera
- UMNO hargai titah Agong benarkan Parlimen bersidang



Agong menerima menghadap Speaker Dewan Negara dan Dewan Rakyat di Istana Negara hari ini. - Foto Istana Negara

Parlimen boleh bersidang dalam tempoh darurat - Agong



"Dalam sesi menghadap ini, Seri Paduka Baginda telah menegaskan bahawa Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi yang berteraskan prinsip Keluhuran Perlembagaan, setiap cabang pentadbiran negara sama ada pihak eksekutif, kehakiman mahupun Parlimen haruslah sentiasa akur kepada prinsip itu.

## VAKSIN



**MINDA PEMBACA** 2 jam yang lepas

Kejayaan program imunisasi bergantung kerjasama semua



**EROPAH** 3 jam yang lepas

Penerima dua dos vaksin Pfizer tunjuk antibodi tinggi



**ASEAN** 4 jam yang lepas

Lebih 1.3 juta rakyat Indonesia terima suntikan vaksin COVID-19



**AMERIKA** 6 jam yang lepas

Vaksin Pfizer 94 peratus berkesan - Kajian



**WILAYAH** Feb 24, 2021 @ 10:01pm

MB Pahang, petugas hadapan terima suntikan vaksin Jumaat ini



**NASIONAL** Feb 24, 2021 @ 6:14pm

Vaksinisasi di negeri secara berperingkat

## TRENDING



**NASIONAL** 9 minit yang lepas

Undang-undang Selangor benarkan hukuman seks luar tabii, tidak



"Sehubungan dengan itu, Seri Paduka Baginda menzahirkan pandangan bahawa Parlimen boleh bersidang semasa tempoh darurat berkuat kuasa pada suatu tarikh yang difikirkan sesuai oleh Seri Paduka Baginda atas nasihat Perdana Menteri," katanya dalam kenyataan hari ini.

### Parlimen boleh bersidang dalam tempoh darurat - Agong



Sehubungan itu, Ahmad Fadil berkata, tanggapan sesetengah pihak bahawa pelaksanaan proklamasi darurat menghalang Parlimen untuk bersidang adalah tidak tepat.


Beliau berkata, perkenan Seri Paduka atas nasihat Perdana Menteri mengenai pengisytiharan Proklamasi Darurat pada 12 Januari lalu adalah semata-mata sebagai langkah proaktif untuk membendung penularan COVID-19 yang meragut lebih 1,000 nyawa setakat ini.

"Dalam sesi menghadap hari ini, Seri Paduka juga mengambil maklum atas hal-hal sampingan berkaitan budaya, warisan dan etika tataperlakuan Ahli-Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara semasa melunaskan tanggungjawab berbahas dan bertindak agar sentiasa bersifat mulia dan dipandang tinggi," katanya.

Mengenai perkembangan terkini wabak COVID-19, Ahlmad Fadil berkata Seri Paduka mengambil kesempatan ini menzahirkan penghargaan kepada kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan (KKM) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta agensi kerajaan yang berkaitan.

Katanya, penghargaan Seri Paduka itu susulan usaha merealisasikan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang bermula hari ini dan dijangka mengambil masa hingga beberapa bulan.

"Seri Paduka turut mengajak rakyat untuk bersama Baginda mendoakan semoga negara ini sentiasa dilindungi dan bebas dari wabak ini dengan segera," katanya.



**berperlembagaan - Hakim**



**LAIN-LAIN (BISNES)** 20 minit yang lepas

**Harga emas jatuh dua bulan berturut-turut**



**AMERIKA** 4 jam yang lepas

**Suspek kes bunuh masak jantung mangsa**



**AMERIKA** 5 jam yang lepas

**NASA terbitkan gambar panorama Marikh**



**NASIONAL** Feb 24, 2021 @ 10:29pm

**Sempat tatap jenazah bapa sebelum jawab soalan SPM**

BERITA BERKAITAN



**NASIONAL** Feb 24, 2021 @ 9:56pm  
**Agong boleh tentukan tarikh sidang Parlimen tanpa nasihat PM - Ku Li**



**NASIONAL** Feb 24, 2021 @ 8:49pm  
**Parlimen wajar bersidang jika wabak COVID-19 reda**



**NASIONAL** Nov 18, 2020 @ 8:11pm  
**Sabah sokong darurat Parlimen Batu Sapi - Hajiji**



**NASIONAL** Nov 18, 2020 @ 5:52pm  
**Agong isytihar darurat Parlimen Batu Sapi**



IKUTI KAMI DI:



**BERITA**  
**BHPLUS**  
**Nasional**  
**Kes**  
**Politik**  
**Pendidikan**  
**Wilayah**

**SUKAN**  
**DUNIA**  
**HIBURAN**  
**BISNES**  
**RENCANA**  
**WANITA**  
**HUJUNG MINGGU**

**MULTIMEDIA**  
**Foto**  
**BHTV**  
**Infografik**

**LANGGAN**  
**Akhbar Digital**  
**Akhbar BH**

**PERKHIDMATAN**  
**Iklan Web**  
**1Klassifieds**  
**NSTP KLiK**